

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER
A/L RAJAJI [JELUTONG]**

TARIKH : 4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Malaysia untuk menjamin keselamatan para penyokong dan pemain bola sepak Malaysia ketika berada di Indonesia dan memastikan kejadian yang berlaku baru-baru ini tidak berulang.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) amat prihatin terhadap keselamatan pasukan kebangsaan dan pasukan penyokongnya di mana-mana perlawanan sama ada di dalam atau di luar negara. Berkenaan insiden yang telah dibangkitkan oleh YB Jelutong berkaitan insiden yang berlaku ketika perlawanan pusingan ke-2 Kelayakan Piala Dunia 2022 / Piala Asia 2023 di mana pasukan kebangsaan bertemu dengan pasukan Indonesia di Stadium Bung Karno, Jakarta pada 5 September 2019 adalah satu yang dipandang serius oleh Kerajaan dan pihak Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) telah pun mengambil tindakan proaktif bagi mengelakkan sebarang provokasi.

2. Sebelum perlawanan tersebut, pihak FAM telah mengambil tindakan sewajarnya dengan mengadakan dua (2) sesi mesyuarat bersama Pihak Berkuasa Tempatan Indonesia pada 20 Ogos dan 27 Ogos 2019 lalu. Mesyuarat yang turut dihadiri oleh Timbalan Komander Pasukan Simpanan Persekutuan (FRU) telah membincangkan aspek keselamatan pemain dan juga penyokong yang perlu diberi perhatian oleh Persatuan Sepak Bola Seluruh Indonesia (PSSI). PSSI dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan Indonesia telah mengambil tindakan dengan menyediakan polis pengiring dari lapangan terbang ke stadium khususnya untuk pasukan Harimau Malaya dan lebih 300 penyokong negara pada hari perlawanan berlangsung. Namun begitu, insiden rusuhan masih berlaku semasa perlawanan akibat tindakan agresif penyokong tuan rumah Indonesia.

3. Kementerian telah pun mengeluarkan kenyataan tegas supaya Konfederasi Bola Sepak Asia (AFC) dan Persatuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA) memberikan perhatian serius bagi menangani isu tersebut dan berharap tindakan sewajarnya diambil. Pihak FAM juga telah memastikan Pegawai Pertandingan (*Match Commissioner*) menghantar laporan kejadian kepada FIFA melalui AFC. Kes tersebut telah pun dibawa ke Jawatankuasa Disiplin FIFA dan PSSI telah dikenakan denda oleh FIFA

SOALAN NO : 5

sebanyak CHF45,000 (RM 191,700) berserta amaran ke atas kejadian yang telah berlaku di Jakarta.

4. Pada masa yang sama juga, FAM telah memohon khidmat nasihat daripada Konfederasi Bola Sepak Asia (AFC) untuk membantu menyediakan pelan komprehensif menjelang pertemuan perlawanan kedua dan seterusnya untuk perlawanan-perlawanan lain di masa akan datang supaya peristiwa ini tidak berlaku.

5. Sebagai makluman kepada Yang Berhormat juga, pihak Kementerian turut membincangkan isu tersebut dengan Menteri Pemuda dan Olahraga Indonesia (MENPORA) bagi kedua-dua negara mencari kaedah terbaik bagi membendung sensitiviti yang wujud di antara penyokong-penyokong Indonesia dan Malaysia kerana jika dilihat dari sejarah yang lalu, sensitiviti penyokong-penyokong sukan ini lebih menonjol melibatkan pertandingan-pertandingan sukan tertentu sahaja seperti bola sepak, badminton dan sepak takraw tetapi amat jarang terjadi semasa pertandingan sukan-sukan yang lain.

Sekian terima kasih.